

# ✓ Patriotisme tunjang perpaduan masyarakat

**Patriotisme** elemen penting dalam proses mengekalkan perpaduan. Ia acap kali merujuk perasaan cinta dan kasih sayang terhadap negara.

Dalam konteks Malaysia, semangat patriotisme antara lain berpaksikan ciri ketaatan kepada undang-undang dan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada kedaulatan negara.

Baru-baru ini, satu dasar komprehensif dikenali 'Dasar Perpaduan Negara' dilancarkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dasar murni ini berkonsepkan perpaduan dalam kepelbagaian demi mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Tuntasnya, dasar ini berhasrat membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab.

Dalam meningkatkan patriotisme dan pemahaman demokrasi, amat mustahak meningkatkan penghayatan terhadap sejarah Malaysia.

Benar sejarah mengajar erti dewasa. Perkongsian pendidikan sejarah yang seimbang antara lain, merangkumi sejarah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1957 diikuti pembentukan gagasan Malaysia 1963 serta pengorbanan



**Semangat cintakan** negara perlu dipupuk sejak kanak-kanak bagi melahirkan generasi kental jati diri. (Foto hiasan)

pejuang tempatan seperti Tok Janggut, Rentap dan Dato Maharaja Lela.

Tidak ketinggalan perjuangan kental tokoh kemerdekaan seperti umpamanya Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V T Sambanthan.

Perkongsian ini harus dipupuk dan dididik sejak awal. Natiujahnya, pelestarian pemikiran dalam pendidikan sejarah mampu meningkatkan jati diri dan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda Malaysia.

Usaha bersungguh-sungguh meningkatkan literasi, pemahaman dan penghayatan mengenai kedaulatan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas amalan hidup penting.

Kurangnya kefahaman akan menyebabkan berlaku kekeliruan dan men-

cetus kemelut terhadap isu agama dan bahasa. Lantas, ia dibimbangi menimbulkan konflik dalam kalangan rakyat.

Dalam hal ini, pelbagai program umpamanya pertandingan pidato kenegaraan, pertandingan pengisahan kenegaraan, sayembara penulisan puisi dan cerpen serta bintang patriotik, berupaya menyemai dan memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia.

Apabila diterangkan konteks patriotisme, nampaknya pandemik COVID-19 memperkukuhkan semangat patriotisme rakyat.

Pandemik menyaksikan betapa masyarakat Malaysia bersemangat saling membantu tanpa mengira warna kulit, agama serta fahaman politik.

Ada sanggup menyediakan makanan,

pakaian, barang keperluan dan sebagainya kepada petugas barisan hadapan serta rakyat yang memerlukannya.

Orang ramai juga menunjukkan rasa sayang kepada negara apabila masing-masing mengungkapkan kata-kata semangat dan ucapan penghargaan kepada petugas barisan hadapan.

Begitu jua, tatkala negara digemparkan berita palsu melalui satu laporan dokumentari *Locked Up in Malaysia's Lockdown* bahawa berlaku diskriminasi terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) dari segi layanan, kita dapat lihat rakyat Malaysia tampil membela negara melalui wadah media sosial.

Kesimpulannya, semangat patriotisme tunjang kepada perpaduan masyarakat majmuk Malaysia. Dalam usaha meningkatkan semangat patriotisme dan mengekalkan perpaduan, tidaklah boleh semata-mata mengharapkan peranan kerajaan.

Sebaliknya, ia tanggungjawab bersama yang memerlukan sokongan padu badan bukan kerajaan, pihak swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pemegang taruh berkaitan.

Marilah kita sama-sama mengelorakan patriotisme serta memelihara dan mengekalkan perpaduan demi keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

**Penulis adalah** Pengarah Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia

